

10/12/1997

Khamenei seru ummah bersatu

Roslan Hamid in Teheran

TEHERAN, Selasa - Sidang Puncak Kelapan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dirasmikan di Pusat Persidangan Teheran pagi ini oleh pemimpin tertinggi Iran, Ayatollah Ali Khamenei dengan meminta perpaduan lebih erat di kalangan umat Islam.

Dalam ucapan perasmiannya di depan 55 ketua negara, kerajaan atau wakil tertinggi mereka serta ribuan delegasi dan pemerhati, Khamenei meminta semua negara Islam bekerjasama demi kepentingan agama dan ummah.

Sidang tiga hari itu adalah pertemuan antarabangsa terbesar di Teheran sejak Revolusi Islam 1979 dihadiri ramai pemimpin terkemuka antaranya Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan; Presiden Palestin, Yasser Arafat; Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif; dan Naib Presiden Iraq, Tahar Yassin Ramadan.

Turut menyertai sidang kemuncak OIC terakhir abad ini ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diberi penghormatan menyampaikan ucapan pertama pada perbahasan umum petang ini.

Khamenei dalam ucapannya berkata, pertemuan di Teheran ini bukan bertujuan menghimpunkan negara sahabat bagi mengusahakan sesuatu kepentingan, tetapi memastikan ikatan persaudaraan tidak terputus apabila kepentingan baru muncul.

"Kita adalah saudara yang mempunyai ikatan berkekalan dengan keyakinan kepada al-Quran dan disatukan dalam sebuah badan, iaitu umat Islam, tanpa mengambil kira perbezaan sejarah, geografi atau politik," katanya.

Dalam ucapannya yang penuh dengan harapan dan nasihat kepada ummah itu, Khamenei juga menyentuh ancaman yang dihadapi negara dan umat Islam, seperti tindakan Amerika Syarikat menempatkan armada perangnya di rantau Teluk, yang katanya sudah pasti mencetuskan suasana tidak stabil di rantau berkenaan.

Khamenei mengakhiri ucapannya dengan berkata, OIC yang mewakili lebih 1.2 bilion umat Islam di seluruh dunia, sewajarnya diberikan kedudukan sebagai anggota tetap keenam Majlis Keselamatan PBB.

Sementara itu, Presiden Iran, Mohammad Khatami, dalam ucapan penerimaannya sebagai pengerusi sidang puncak kelapan itu berkata, hanya selepas kembali kepada identiti yang sama, iaitu cara hidup Islam, barulah kita boleh belajar hidup secara aman dengan orang dan negara lain.

"Hidup secara damai adalah satu jaminan keselamatan hanya jika seseorang itu tidak saja memahami budaya dan cara hidupnya, tetapi juga masyarakat lain," katanya.

Khatami juga menyentuh campur tangan kuasa asing seperti tindakan Amerika mempamerkan kehebatan kapal perangnya di rantau Teluk dan juga penularan budaya Barat di kalangan masyarakat Islam.

(END)